

Komited kurangkan indeks jenayah

Penarafan Malaysia antara negara paling selamat didiami bukti usaha capai sasaran

KUALA LUMPUR: Penarafan Malaysia sebagai salah sebuah negara paling selamat didiami dan dikunjungi oleh beberapa pertubuhan antarabangsa baru-baru ini membuktikan kesungguhan kerajaan mengurangkan indeks jenayah di seluruh negara melalui strategi dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Edisi Ke-5 Indeks Keamanan Global (GPI) yang dikeluarkan Mei tahun lalu mengiktiraf negara ini sebagai paling aman di Asia Tenggara, selain keempat paling selamat di Asia Pasifik selepas New Zealand, Jepun dan Australia.

Malah, Institut Kajian Ekonomi dan Keamanan Antarabangsa (IEP) berpangkalan di Sydney, Australia, melalui indeks yang sama, meletakkan Malaysia di tangga ke-19 daripada 153 sebagai negara paling selamat didiami dan dikunjungi, selain destinasi pilihan pelaburan asing yang turut didorong oleh kestabilan politik.

Pelbagai usaha dilaksanakan bagi menurunkan kadar jenayah sepanjang tahun lalu yang menunjukkan kesan memberangsangkan apabila indeks jenayah jalanannya menunjukkan penurunan kira-kira 39.7 peratus, sekali gus menjadikan indeks jenayah keseluruhan di seluruh negara menurun 11.1 peratus, jauh melebihi sasaran ditetapkan.

Ini menyumbang kepada peningkatan keyakinan rakyat terhadap polis, lebih-lebih lagi melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif oleh pasukan berkenaan, termasuk Program Omni Presence iaitu me-

INFO

PENURUNAN KADAR JENAYAH

PENCAPAIAN UTAMA 2011

- Penurunan kadar jenayah seluruh negara menerusi kerjasama erat polis, agensi penderak undang-undang, majlis perbandaran dan rakyat.



82 Balai polis di Selangor menjadi lebih mesra pelanggan. Mesin Sistem Penarafan Perkhidmatan Pelanggan digunakan untuk mendapat maklum balas pelanggan.

PENURUNAN KADAR JENAYAH JALANAN

- Malaysia mengalami penurunan kadar jenayah sebanyak dua angka di seluruh negara. Penurunan menunjukkan program inovatif polis memberikan kesan dalam mengurangkan jenayah.

39.7%

PENURUNAN KADAR JENAYAH 11.1%

LEBIH 8,000 RAMPASAN DAN TANGKAPAN

Menerusi operasi peringkat kebangsaan (Ops Lejang, Rentap, Pintu dan Lusuah)



KE-4 PALING SELAMAT DI ASIA PASIFIK

Negara paling selamat di Asia Tenggara dan keempat paling selamat di Asia Pasifik diiktiraf Indeks Keamanan Global edisi kelima.



PALING SELAMAT

Malaysia juga disenaraikan sebagai negara paling selamat dalam kelompok 19 negara berpendapatan sederhana tinggi oleh World Justice Project's Rule of Law Index.

BH 3/4/12 MS 4

INFO

PENURUNAN KADAR JENAYAH

- 151 kawasan perbandaran lebih selamat. Pelaksanaan program bandar selamat.
- Berbanding hanya 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) pada 2010, Program Bandar Selamat diluaskan kepada 151 PBT seluruh negara.
- Tambahan 8,329 tiang lampu, 1,311 cermin keselamatan 104.3 penghadang jalan dipasang untuk keselamatan.
- Penempatan terbesar pegawai keselamatan di kawasan panas. Dengan perluasan Program Omnipresence di Sabah dan Sarawak, lebih 27,000 pegawai keselamatan ditempatkan di kawasan panas.
- 1,607 pegawai JPAM dilatih sebagai Sukarelawan Polis Simpanan.
- Tambahan 30,000 anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) dilatih menjadikan jumlah keseluruhan anggota 147,000.
- Lebih daripada tiga juta sukarelawan mendaftar dengan Rela dan JPAM.
- 3,931 pegawai Rela dilatih sebagai Sukarelawan Polis Simpanan.
- Perkhidmatan MyDistress dilancarkan di Selangor dengan 61,441 pengguna berdaftar sehingga Februari 2012.



Program Bandar Selamat langkah terbaik memastikan indeks jenayah di kawasan perumahan dapat diturunkan dan menjamin kesejahteraan rakyat

Mohd Hafiz Md Nor
Peniaga dari Johor Bahru



Saya tidak lagi risau untuk membiarkan anak balik ke sekolah tanpa pengawasan kerana yakin keselamatan mereka terjaga

V Nagarajan
Pemandu teksi dari Kuala Lumpur

Program Omni Presence iaitu me-
nambah jumlah kehadiran pegawai
dan anggota polis di lokasi panas
yang dikenal pasti sering berlaku
kes jenayah, selain Program Wal-
kabout - High Profile Policing dan
Community Policing.

Ini secara tidak langsung me-
ningkatkan tahap keyakinan orang
ramai terhadap agensi penguatku-

saan itu sepanjang tahun lalu iaitu
dari 56.6 peratus pada Januari 2011
kepada 70.5 peratus pada Disember
2011, membabitkan peningkatan ke-
seluruhan kira-kira 13.9 peratus.

Laporan Tahunan GTP 2011 juga
menunjukkan sebahagian besar
responden berpuas hati dengan per-

khidmatan polis sepanjang tahun
lalu, khususnya membabitkan pro-
sedur membuat laporan polis, pro-
ses siasatan dan pendakwaan se-
suatu kes jenayah, selain tempoh
pegawai serta anggota polis ke lo-
kasi kejadian.

Kajian Unit Pengurusan Prestasi

dan Perlaksanaan (PEMANDU) tu-
rut mendapati kebanyakan respon-
den menganggap mutu perkhidma-
tan dan kualiti penyampaian PDRM
menepati slogan agensi penguat-
kuasaan itu, Tegas, Adil dan Ber-
hemah yang turut disifatkan seba-
gai mesra rakyat.



*Kejayaan Malaysia yang
diiktiraf antara negara
paling aman dan selamat di
Asia Tenggara membolehkan
rakyat bergerak bebas* ”

Shanurhidayah Sohtar
Pegawai Perhubungan Pelanggan
dari Melaka